

Mahathir rasmi Presiden UMNO kelima

BH 27 JUN 1981

KUALA LUMPUR, Jumaat.- Datuk Seri Dr. **Mahathir Monamad** hari ini sah menjadi Presiden UMNO Malaysia yang kelima dan bakal mengambil alih teraju pemerintahan negara. Beliau sebelum ini telahpun menang tanpa bertanding bagi jawatan tertinggi parti itu setelah Datuk Hussein OM menolak pencalonannya kerana in-

gin bersara dari Ayuh jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia.

Seorang pemimpin yang telah rebah bangun sejak mencebur diri dalam kancah politik negara ketika berusia 20 tahun, Datuk Seri Dr. Mahathir yang kini berumur 56 tahun telah membuktikan kematangan, kemampuan dan kewibawaannya memikul kedua jawatan penting dan penuh tanggungjawab itu.

Ketokohnya sebagai seorang pemimpin parti dan kerajaan yang diterima ramai telah diuji zaman sehingga pengambilalihan pucuk pimpinan UMNO dari Datuk Hussein oleh beliau berjalan dengan licin dan teratur.

Begitu juga, pengambilalihannya sebagai ketua kerajaan dari Datuk Hussein dijangka berjalan dengan baik.